

Wakaf MARA MADANI martabat agenda Melayu, Bumiputera

Kuala Lumpur: Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim melancarkan Wakaf MARA MADANI yang bertujuan memartabatkan agenda bangsa Melayu dan Bumiputera di negara ini.

Anwar berkata, inisiatif wakaf berkenaan sebahagian daripada warisan umat Islam untuk membina kekuatan dari peringkat akar umbi.

Perdana Menteri berkata, inisiatif wakaf itu juga akan memberi peluang kepada bangsa Melayu dan Bumiputera untuk membangun dan menentukkan masa depan mereka sendiri.

“Wakaf MARA MADANI ini menunjukkan kita sudah sampai ke tahap bukan sahaja kita

menerima peluang dan peruntukan semata-mata.

“Ini masa kita menunjukkan kita bangsa yang bermaruah, boleh menentukan masa depan kita,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis peluncuran wakaf itu di Pusat Dagangan Dunia Kuala Lumpur di sini, semalam.

Anwar berkata, kerajaan akan terus menekankan dasar pemerkasaan Bumiputera bagi memperkukuh mobiliti sosial untuk golongan itu dengan Majlis Amanah Rakyat (MARA) akan memainkan peranan penting dalam meneruskan usaha berkenaan.

Beliau berkata, langkah me-

rangkumi penyediaan peluang pendidikan dan latihan kemahiran kepada Bumiputera, sekali gus memperbaiki kedudukan mereka dalam masyarakat.

“Kejayaan dasar Bumiputera, terutama melalui MARA yang disebut mobiliti sosial yang ketara. Anak-anak daripada kelompok miskin dari desa dan pedalaman diberi peluang dan meningkatkan kedudukan mereka melalui pendidikan.

“Mobiliti sosial ini harus difahami oleh semua rakyat Malaysia. Tanpa dasar Bumiputera dan MARA, kita akan lihat umpamanya kecundang masyarakat Melayu, tidak dapat meningkatkan kedudukan mereka,” katanya.

Perdana Menteri berkata, sebagai agensi bertanggungjawab membangunkan Melayu dan Bumiputera, MARA perlu berusaha secara berterusan bagi memastikan kesejahteraan masyarakat luar bandar terpelihara.

Beliau berkata, pengurusan dana amanah yang telus dan berintegriti amat penting bagi memastikan manfaatnya dapat dimaksimum demi kesejahteraan masyarakat.

Sementara itu Pengerusi MARA, Datuk Dr Asyraf Wajdi Dusuki dalam ucapannya berkata pihaknya menyasarkan kutipan waka’f mencapai RM100 juta tahun ini sebagai usaha memperkukuh kebajikan dan pembangunan masyarakat.

Beliau seterusnya menyeru kira-kira 2.8 juta alumni MARA supaya menyumbang ke dalam program wakaf berkenaan, agar bantuan kepada golongan yang memerlukan dapat diperluas lagi.

Sebagai tanda sokongan, Anwar dan Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi masing-masing menyumbang RM1,000 kepada Wakaf MARA MADANI.

Selain Ahmad Zahid dan Asyraf Wajdi, turut hadir pada majlis hari ini ialah Timbalan Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah, Datuk Rubiah Wang dan alumni MARA. BERNAMA